

itu ataupun di mana-mana jua kerana tidak ada maknanya kemenangan yang didapat oleh Parti Negara merasmikan bahasa Melayu itu dengan tidak diamalkan oleh ahli-ahli partinya sendiri.

Di sebalik itu, kita berasa musykil melihat telatah perjuangan pertubuhan yang mengaku memperjuangkan hak-hak Melayu di dalam perkara merasmikan bahasa itu. A. Sa'don Bin Hāji Zubir (UMNO), menurut kenyataan yang tersiar di antara lain-lain ada berkata bahawa ia tidak akan khianat kepada perjuangan Melayu tetapi seterusnya ia menyokong cadangan *Chief Secretary* supaya membiarkan sahaja yang dmeikian itu (bahasa Melayu) kepada suatu masa sehingga dengan sendirinya ia teraku sebagai bahasa kebangsaan.

Kemusykilan itu bertambah-tambah lagi apabila kita mendengar fikiran Tengku Abdul Rahman Yang di-Pertua Agung UMNO di dalam ucapan radionya dan menjadikan banyak harapan orang-orang kita yang boleh diketengahkan kerana jika bahasa Inggeris dijadikan bahasa Kebangsaan maka sudah tentu akan menjadi kepayahan bagi orang-orang kita.

Kita sama sekali tidak bersetuju dengan pendapatannya bahawa bahasa Melayu tidak boleh dijadikan bahasa yang berharga di mata dunia. Perasaan itu sememangnya hidup di dalam negeri-negeri penjajahan tetapi di dalam negara yang merdeka seperti di Indonesia bahasa itu telah hidup dan dijadikan bahasa rasmi dan digunakan untuk kuliah-kuliah di perguruan tinggi di merata-rata Indonesia yang lebih mencerdaskan atau membawa peluang-peluang kepada pemuda-pemudanya mendapat pelajaran tinggi.

Kita berharap dengan diakuinya bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan maka dengan sendirinya pula mustahaklah tafsiran sekolah kebangsaan diikuti dengan persiapan bahasa itu yakni pelajaran-pelajaran di dalamnya hendaklah dengan berbahasa Melayu dengan bahasa Inggeris hanya sebagai bahasa tambahan tidak bahasa Inggeris diutamakan seperti sekarang

ini. Kita berharap akan melihat supaya di dalam pelajaran-pelajaran tinggi pun di Persekutuan Tanah Melayu kelak diajar dengan bahasa Melayu seperti di Indonesia. Adakah kita akan sampai ke sana? Jawapan terpulang kepada kecerdasan dan kemahuan bangsa Melayu sendiri.

*

Kebebasan Bercakap dan Menulis

Di dalam pilihan raya yang diadakan di Singapura maka telah timbul di dalamnya suatu cara bercakap yang kita pandang berlawanan daripada apa yang diakui oleh pemimpin mereka sendiri. Kita telah mendengar perkataan-perkataan yang seakan-akan bermaksud bahawa sesiapa daripada orang-orang yang tidak mengikut atau bersefahaman dengan mereka adalah ia alat penjajahan, alat British, tali barut British dan seumpamanya dengan cara-cara yang boleh membangkitkan perasaan yang pahit kepada sebahagian orang-orang yang tidak bersetuju dan bersealiran dengan mereka.

Sudah habis pilihanraya di Singapura itu Tengku Abdul Rahman Yang di-Pertua UMNO di dalam ucapan radionya tatkala memberi pandangannya tentang Malaya merdeka telah menyatakan bahawa hak-hak asasi manusia hendaklah dijamin yang di antaranya ia menyatakan "kebebasan bergaul; berkumpul dan bergerak secara aman menurut undang-undang dan kebebasan bercakap dan menulis hendaklah dijamin."

Sesungguhnya inilah dia sebahagian daripada hak-hak awam di dalam sesebuah negeri yang menuju cara pemerintahan demokrasi dan kerana menghargakan kepada tujuan itulah pula kita menggunakan hak-hak bercakap dan menulis memperingatkan supaya apa yang dicakapkan itu dijamin dan dihormati oleh pemimpin dan pengikut-pengikutnya sendiri terlebih dahulu daripada orang lain di dalam lingkungan lain.

Sebagaimana disebut di atas maka senjata yang utama

di dalam sesuatu ucapan adalah menyelar orang lain. Apakah kebebasan bergerak dan bercakap yang dimaksudkan itu kebebasan untuk menyelar dan mengata orang lain? Adakah kebebasan yang dikehendaki itu supaya menumpukan tuduhan kepada orang-orang yang tidak bersefahaman dengannya? Adakah kebebasan itu hanya kepada kita sendiri sahaja sedang pada orang lain tidak? Adakah orang lain mesti menutup mulutnya terhadap kepada apa-apa fikiran dan pendapat yang di datangkan kepadanya?

Kita berasa bingung melihat kepada keadaan jika dibandingkan dengan perbuatan. Kebingungan kita itu dapat diterangkan di dalam beberapa kejadian yang lama dan yang baharu tentang jaminan yang diberi kepada kebebasan bercakap dan menulis. Tatkala kita menulis mengulas pendapat dan fikiran mereka dengan istilah cara kebebasan menulis dan bercakap maka berbagai-bagai tuduhan telah dilempar kepada kita di hadapan masyarakat am yang kemudiannya timbullah riwayat pembakaran Qalam dan Warta di Johor Baharu itu dengan diikuti dengan pemboikotan yang hebat daripada seluruh anggota-anggotanya di seluruh Tanah Melayu kerana Tengku sendiri sekarang menganjurkan jaminan bercakap dan menulis maka adakah sebenarnya yang demikian itu akan terjamin jika Perikatan memegang tampun pemerintahan di Persekutuan Tanah Melayu?

Syak kita bahawa akuan itu adalah berlawanan daripada apa yang dijalankan boleh ditambah lagi dengan perbuatan MCA itu terhadap kepada akhbar Singapura *standard* dan pada perkara yang akhir-akhir daripada Setiausaha Agung UMNO kepada akhbar Majlis yang dituduhnya sengaja menyesatkan pembaca terhadap pergerakan UMNO. Apakah mungkin pula kelak akan berlaku pembakaran terhadap kepada Majlis sekiranya Majlis mendatang teguran terus-terusan kepada

Perikatan dengan kerana ia menggunakan kebebasan bercakap dan menulis yang dijamin itu? Keadaan yang akan mengetahuinya.

Sesungguhnya kebebasan bercakap dan menulis itu adalah suatu perkara yang patut diterima kerana kita tidak suka kepada cara diktator yang kata-kata dan kemahuannya mesti diikuti dan ditaati-dengan tidak ada soal jawab lagi. Kita mesti menerima teguran-teguran itu sekalipun pahit-terima dengan tenang dan perasaan yang tinggi-bukan dengan sentimen. Kerana daripada teguran-teguran dari luar itu dapat kita mengagak dan mengukur perasaan orang ramai yang di luar daripada lingkungan kita. Mana-mana yang baik diterima dan mana-mana yang yang buruk dibuang; dan jangan sekali menuduh bahawa tiap-tiap teguran itu disambut dengan sentimen lalu menuduh orang yang menegur itu sebagai alat penjajah penggalang merdeka dan seumpamanya.

Kita berharap bahawa Tengku akan menjamin supaya pengikut-pengikutnya tidaklah bekerja menutup mulut orang tetapi hendaklah mereka bersama-sama dengan Tengku menjamin "kebebasan bercakap dan menulis, bergaul dan bergerak" dan memberi petunjuk kepada sebahagian besar pemimpin-pemimpin mereka supaya di dalam perjuangan siasah janganlah sentimen yang digunakan tetapi fikiran yang tenang mesti dipakai selagi sentimen digunakan kita percaya bahawa perbuatan-perbuatan itu adalah membawa kepada kelumpuhan jiwa padanya. Kita tidak mengetahui selain daripada ini dikecualikan ada takrif lain tentang jaminan kebebasan bercakap dan menulis.

Kami adalah golongan yang mencintai mati sebagai kamu mencintai hidup, dan harap menemui akhirat sebagai kamu kasih selalu kepada dunia-Khālid Ibn al-Walīd.